

11 JUL 2000

DR MAHATHIR MENERIMA KUNJUNGAN RAKAN SEJAWATAN DARI MOZAMBIQUE

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Mozambique Pascoal Mocumbi yang kini dalam rangka lawatan peribadi ke Malaysia hari ini mengunjungi rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pertemuan hampir setengah jam antara kedua-dua pemimpin itu berlangsung di Perdana Suite, Pusat Dagangan Dunia Putra Centre.

Mocumbi yang tiba di sini pada Ahad lepas juga telah melawat syarikat petroleum nasional, Petronas dan kilang kereta nasional Proton di Shah Alam.

Mocumbi, yang diiringi oleh isteri dan dua orang anaknya akan berlepas pulang malam ini.

Beberapa syarikat Malaysia seperti Southern Bank Bhd telah melabur di Mozambique.

Negara berbahasa Portugis di timur benua Afrika itu mempunyai penduduk seramai 17 juta orang dan baru pulih daripada bencana banjir besar.

-- BERNAMA

RV ES PR